

Perdana Menteri dan Kabinet Baharu Thailand dalam Tempoh 3 Bulan

Bernama

Jun 6, 2014

BANGKOK, 6 Jun (Bernama) -- Thailand akan mempunyai perdana menteri dan kabinet dalam tempoh tiga bulan, kata junta tentera.

Perkara itu dimaklumkan kepada sekumpulan ahli perniagaan Cina oleh ketua junta yang juga Panglima Tentera Jeneral Prayuth Chan-ocha, kata timbalan jurucakap Majlis Keamanan dan Ketenteraman Awam Negara (NCPO) Kolonel Weerachon Sukondhapatipak.

Katanya Prayuth yang juga Pengerusi NCPO dan memikul tanggungjawab perdana menteri, berkata demikian ketika bertemu anggota Dewan Perniagaan Cina Thailand di ibu pejabat tentera, di sini pada Jumaat.

Sementara itu, NCPO juga meneliti untuk melonggarkan perintah berkurung yang pada masa ini dikenakan di beberapa wilayah termasuk Bangkok.

Keputusan itu selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk sektor pelancongan, namun ini bergantung kepada situasi dan keberkesanan dalam mengekalkan keamanan dan ketenteraman, kata jurucakap NCPO Kolonel Wintai Suwaree dalam sidang media harian, di sini Jumaat.

Perintah berkurung di tiga kawasan pelancongan utama ditarik balik minggu lepas iaitu di Pattaya, Pulau Samui dan Pulau Phuket.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044271>